

# Pembinaan rel KLIA-LCCT dilulus

PUTRAJAYA 7 Nov. - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan pada dasarnya telah meluluskan pembinaan perkhidmatan rel dari bangunan terminal Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) ke Lapangan Terbang Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT).

Bagaimanapun Timbalan Perdana Menteri memberitahu, memandangkan terdapat beberapa isu yang perlu diperhalusi oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) maka unit tersebut ditugaskan untuk mengadakan kajian mengenainya.

"EPU akan selaras kajian dengan kementerian seperti pengangkutan dan kewangan dan selepas itu satu model yang sesuai akan dibentangkan untuk pertimbangan jawatankuasa Kabinet ini.

"Kita akan memberitahu peruntukan pembinaan rel itu kemudian, namun perjalanan akan lebih menjimatkan iaitu hanya 11 minit berbanding 20 minit menggunakan perkhidmatan bas," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pengangkutan Awam di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy.

Menurut Najib, cadangan pembinaannya dijalankan setelah kerajaan menerima banyak rungutan daripada orang ramai mengenai jarak ke LCCT dan rungutan itu telah disampaikan kepada Kabinet.

Pada sidang akhbar itu juga, Timbalan Perdana Menteri berkata, EPU telah diarahkan menghalusi cadangan dengan mendalam pembinaan landasan berkembar di antara Ipoh-Padang Besar melalui inisiatif pembiayaan swasta (PFI).

Menurut beliau, cadangan berkenaan akan dibawa untuk pertimbangan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pengangkutan Awam dalam tempoh dua bulan lagi.

"Apabila jawatankuasa ini meluluskan (cadangan) itu maka kita akan bawa ke mesyuarat jemaah menteri untuk menentukan keputusan (pembinaan melalui PFI)," katanya.

Projek landasan berkembar Ipoh-Padang Besar sebelum ini diberikan kepada Gamuda Bhd. dan MMC Corporation

Bhd.

Dalam pada itu, beliau memberitahu jawatankuasa tersebut telah membuat beberapa ketetapan dengan meluluskan peruntukan untuk satu kajian induk pengangkutan awam di semua bandar besar di Malaysia.

Tujuan kajian itu, katanya adalah bagi

mengetahui keadaan dan status sistem pengangkutan awam pada masa ini dan menentukan perkembangannya selain memastikan keselesaan serta perancangan masa depan bandar-bandar berkenaan.

"Kajian itu akan mengambil masa selama sembilan bulan dan ia akan dibiayai oleh kerajaan pusat," katanya.